

SEJARAH PERKEMBANGAN PENDUDUK
RUMPUN MELAYU MUAR 1884 - 1920

oleh

MALIK MUNIP

*Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya.*

Kajian sejarah tempatan maseh merupakan satu bidang yang perlu diberikan penerokaan yang lebih terperinci guna memberikan kemantapan kepada banyak kesimpulan mengenai pola-pola umum dalam perkembangan sejarah tanahair yang seringkali, samaada akibat kekurangan bahan atau kekurangan fahaman mengenai penganalisaan masyarakat, mempunyai kelonggaran dan meragukan dan kadang-kadang menyeleweng dari kenyataan.¹ Di dalam kajian perkembangan penduduk negara ini kedatangan kaum-kaum Cina dan India dan masalah-masalah yang timbul samaada dari segi pemerintah kolonial atau dari gulungan-gulungan yang mendatang itu sendiri sering menjadi pokok kajian sarjana-sarjana sejarah, terutama sekali kerana perkembangan mereka itu sangat berkaitan dengan perkembangan ekonomi yang mempunyai kesan yang besar dalam bidang-bidang politik dan sosial. Dalam hubungan ini ketiadaan bilangan yang besar buruh-buruh Jawa yang diimpot untuk bekerja dalam sektor ekonomi telah mengaburi hakikat bahawa terdapat juga kesan yang besar dari kedatangan mereka ke atas penduduk-penduduk bumiputra dalam setengah-setengah tempat. Secara relatif, *significance* arus kemasukan gulungan ini secara bersendirian dapat dilihat dari perkembangan penduduk-penduduk rumpun Melayu di Muar dari tahun 1884 hingga 1920.

Sebelum pertengahan abad yang ke 19, sudahpun terdapat beberapa kelumpuk masyarakat Melayu yang teratur mendiami kawasan-kawasan kampung di sepanjang Sungai Muar, kawasan Kesang dan di beberapa kampung di pesisirannya. Dalam tahun 1839, Newbold ada mencatatkan bahawa terdapat seramai tujuh orang Penghulu yang mendiami kawasan-kawasan di sepanjang Sungai Muar, dan tiga daripadanya dipanggil sebagai Peng-

¹ Satu kupasan mengenai perkara ini terdapat dalam artikel Khoo Kay Kim, "Sejarah Tempatan" dalam *Jurnal Penyelidik*, Jil.1, Bil.1, Oktober, 1972.

hulu Besar. Di bawah setiap kawasan jagaan penghulu tersebut didirikan sebuah mesjid di mana penduduk-penduduk di situ bersembayang Jumaat.² Di Padang, iaitu sebuah kawasan pesisiran, penduduknya ditaksirkan seramai dua ratus keluarga. Seluruh kawasan Muar dianggarkan mempunyai penduduk seramai 2,400 orang, iaitu satu bilangan yang kecil jika dibandingkan dengan keluasan kawasan tersebut.

Dalam pertengahan abad kesembilan belas pula Pagoh, satu kawasan di pendalaman Sungai Muar sudah menjadi sebuah kawasan yang ramai penduduknya.³ Dalam tahun 1853, Thomas Bradell telah mencatatkan bahawa kawasan ini adalah sebuah kampung yang besar di tebing sebelah kiri dengan penduduk yang ramai dan rumah-rumah yang banyak.⁴ Panchor pula merupakan satu kawasan tinggalan dengan melihatkan banyaknya pokok-pokok durian yang sudah ditanam.⁵ Dalam tahun 1858 pula Kapten MacPherson ada mencatatkan bahawa terdapat tujuh hingga lapan puluh orang-orang Bugis menjadi pengikut-pengikut Silawatang di Sungai Muar.⁶

Dalam tahun 1871 pula, penduduk-penduduk Melayu di Padang sudah meningkat kepada 1,000 orang di samping terdapat kira-kira seratus orang-orang Jawa. Di sini terdapat dua kampong yang besar di mana tiap satunya dikepalai oleh seorang orangkaya.⁷ Sebuah kampung yang baharu juga telah mula dibuka berhampiran dengan Padang dan dipanggil Parit Jawa dan mempunyai seorang Penghulu. Ibrahim Munshi juga ada menca-

² T.J. Newbold, *Political and statistical account of the British settlements in the Straits of Malacca*, Vol. 2, Kuala Lumpur, 1971, 156.

³ Catatan Tuan Haji Shukur, Muar. Beliau adalah seorang ahli sejarah tempatan yang telah mengumpulkan bahan-bahan sejarah lebih dari sepuluh tahun lamanya. Pernah menjadi Nazir Sekolah-sekolah Melayu dalam tahun 1929.

⁴ T. Bradell, "Notes of a trip to the interior from Malacca," dalam *Journal of the Indian Archipelago*, (JIA seterusnya) Vol. 7 8, 1853-54, ms. 102.

⁵ *Ibid.*

⁶ MacPherson, "Narrative of a trip to Dok in the Muar Territories," dalam *JIA*, Vol. 2, 1858 (new series).

⁷ Mohd. Ibrahim Munshi *Kesah Pelayaran Abdullah 1871-1872*, Johor Bahru, 1956. 4.

titkan mengenai orang-orang yang keluar-masuk ke kawasan Padang itu. Untuk bulan Ogos, 1872 sahaja, jumlah orang-orang yang masuk ialah 141 orang, sementara yang keluar pula ialah seramai 83 orang. "Maka dengan demikianlah pada tiap-tiap bulan, lebih juga orang yang masuk dari yang keluar."⁸

Dalam tahun 1877 pula J. Douglas, iaitu seorang Colonial Secretary telah membuat satu lawatan kependalaman kawasan Sungai Muar. Beliau telah mencatatkan beberapa pandangannya mengenai tempat itu.⁹ Menurut beliau, di Kuala Sungai Muar itu terdapat ramai penduduk-penduduk Melayu dan Cina dan banyak kampung-kampung kelihatan kearah pendalaman sungai itu. Di Pangkalan Bukit juga terdapat sebuah kampung yang luas, sementara di Kampung Tok Dagang terdapat satu tempat perkampungan yang luas hingga melewati ketepi-tepi bukit. Mengikut catitan Skinner pula ditahun ini juga terdapat seramai 13 orang Penghulu, iaitu tujuh orang di antara Sungai Muar dengan Sungai Kesang dan enam di sepanjang Sungai Muar.¹⁰

Dalam tahun-tahun 1880an beberapa kumpulan-kumpulan orang Melayu dari negeri Kedah dan Melaka telah datang untuk bermastautin di Muar. Ketika Sultan Abu Bakar Johor sedang berkira-kira hendak membuka dan menjadikan Muar sebagai kawasan yang maju, baginda telah menawarkan kepada seorang Melayu Kedah bernama Cik Ali yang berada di Singapura. Tawaran ini telah diikuti dengan kemasukan keluarga-keluarga orang Melayu Kedah yang mulai diam membuka tempat di Tanjung Gading.¹¹ Dalam tahun 1887 pula akibat dari satu pemberontakan kecil di Serkam, Melaka yang dikenali sebagai 'Perang Rokam' beberapa keluarga Melayu yang diketuai oleh seorang alim, iaitu Tok Andak telah berpindah ke Kesang di daerah Muar dan akhirnya menetap

⁸ *Ibid.*

⁹ J. Douglas, "Notes by the Colonial Secretary of a trip up the Kesang and Muar Rivers," dalam *Muar Papers 1876-1880*.

¹⁰ Surat kepada Colonial Secretary bertarikh 12hb. November, 1887. C. O. 273.

¹¹ Daripada karangan Tuan Haji Shukur dan Tuan Haji Zainal Abidin Ahmad.

di satukawasan di Bandar Maharani* yang baru dibuka.¹²

Bilangan penduduk-penduduk bumiputra sukar untuk dianggarkan, tetapi apa yang nyata ialah perkembangan penduduk-penduduk rumpun ini adalah pesat sekali selepas 1884. Pada masa ini sudah menjadi dasar pemerintah di Johor untuk menggalakkan orang-orang luar dari segala bangsa berhijrah ke negeri itu. Peristiwa-peristiwa dan perkembangan politik yang berakhir dengan perjanjian 1877, telah menjadikan minat pemerintah kearah memajukan kawasan ini semakin bertambah ditumpukan. Dari tahun-tahun 1880 dan 1890an lagi sudahpun wujud kumpulan pedagang-pedagang kecil, penanam-penanam (planters) dan buruh-buruh Jawa yang bekerja di berbagai lapangan pekerjaan.¹³ Dalam masa ini ramai orang-orang Jawa yang mulai masuk ke kawasan luar bandar yang sudah didiami oleh orang-orang Melayu atau Jawa yang telah tiba lebih awal. Proses ini kelihatan lebih jelas apabila dibandingkan dengan anggaran bilangan penduduk untuk kawasan Padang. Dalam tahun 1890 sudah terdapat lebih 10,000 orang Jawa yang mendiami kawasan ini, berbanding dengan hanya 15,000 orang Jawa di seluruh negeri Johor.¹⁴ Di samping itu Kerajaan Negeri-negeri Selat juga telah menggalakkan usaha-usaha untuk membawa buruh-buruh Jawa ini.¹⁵ Kerajaan Johor juga sangat mengambil berat mengenai masaalah ini. Umpamanya dalam tahun 1891, satu peristiwa di mana beberapa kumpulan orang-orang Jawa keluar dari daerah itu dan usaha-usaha telah diambil untuk menyiasat dan membaiki masalah

¹² Dipadankan dari:

- i) Interview dengan Haji Omar bin Haji Othman, Serkam, Melaka.
- ii) Karangan Tuan Haji A. Shukur Ismail, Muar.
- iii) *Dewan Masyarakat*, 15hb. Mac, 1964 , Jilid.2, Bil. 3, ms. 22.

* Tempat ini sekarang dikenali sebagai Lorong Serkam.

¹³ Norman Palmer, *Colonial Labour Policy and Administration: A history of labour in the rubber plantation industry, 1910-1941*, New York, 1943, 125.

¹⁴ *Singapore and Straits Directory for 1890*, 293.

¹⁵ *Straits Settlement Labour Report 1890* Para 225.

tersebut.¹⁶ Orang-orang Jawa ini bekerja sebagai petani-petani dan nelayan-nelayan,¹⁷ dan kawasan persisiran Muar ini merupakan kawasan yang sesuai untuk pertanian.¹⁸ Banyak talair-talair dan parit-parit yang baharu digali yang digunakan sebagai cara mengangkat dagangan keluar di samping mengalirkan air ke kawasan yang rendah. Sebuah pengkalan kecil yang disambungkan dengan talair ke pantai telah mula dibina di satu kawasan bernama Parit Bakar.

Dalam tahun-tahun 1890an perkembangan penduduk-penduduk berjalan terus. Setengah dari orang-orang Jawa itu ada yang telah melaikkan diri kerana terlibat dalam pergolakan politik dengan Belanda dan telah datang membuka kebun-kebun dusun di Serum iaitu sebuah kawasan pinggir di pendalaman Sungai Muar. Ada juga di antaranya yang membuat kerja-kerja berjual beli dan berkedai.¹⁹ Dalam tahun 1894, secara kasar bilaangan penduduk-penduduk Melayu seluruh negeri itu ada seramai 50,000 orang dan orang-orang Jawa dan Bugis pula seramai 30,000 orang.²⁰ Dalam tahun 1898 dengan secara rasmi sebuah tempat di kawasan sempadan dengan negeri Melaka iaitu Tangkak (Cohong) telah dijadikan sebuah bandar.²¹ Pembukaan seperti ini telah menjadi penggalak yang kuat kepada pertumbuhan masyarakat dan membawa kepada pertambahan penduduk dengan cepat terutamanya sekali dengan adanya usaha-usaha mempanam getah secara besar-besaran di kawasan sekelilingnya di awal abad ini. Di samping itu Lenga, sebuah kawasan pendalaman Sungai Muar telah mempunyai penduduk yang ramai.²²

¹⁶ *Salinan surat-surat Datuk Menteri dan Setiausaha Kerajaan Johor, 1881-1899*, surat Datuk Menteri kepada Residen Muar bertarikh 12hb. Ogos, 1891.

¹⁷ N.B. Denny, *Descriptive Dictionary of British Malaya*, 1894.

¹⁸ *Precis of information concerning the St. Settlements and native states of the Malay Peninsula*, British War Office intelligence division, ms. 154.

¹⁹ Temuramah dengan Encik Salleh Kasmin, seorang peminat sejarah tempatan.

²⁰ H. Lake, "Johore" dalam *The Geographical Journal*, Vol.3, Januari, 1894, (London) ms. 293.

²¹ Major Datuk Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor II*, Johor Baharu, 1951, 23.

²² *Ibid.*

Di awal abad ini, Bukit Kepung, iaitu sebuah kawasan yang terletak lima puluh batu ke dalam Sungai Muar telah mula mempunyai penduduk yang ramai. Beberapa orang pemodal-pemodal Jepun juga telah mula membuka ladang-ladang getah di kawasan ini.²³ Sistem perhubungan yang baik melalui kapal-kapal yang berulang-alik kedaerah pendalamani ini juga telah ada. Sehingga tahun 1911, tidak terdapat sumber-sumber yang banyak mengenai perkembangan penduduk di negeri Johor. Walaubagaimanapun dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu lain, Johor mempunyai penduduk yang teramai sekali.²⁴ Perkembangan pesat ini adalah ekoran dari kemasukan orang-orang Cina terutamanya, dan orang-orang India yang lebih kecil bilangannya. Dalam tahun 1904, orang-orang Cina merupakan gulungan yang terbesar di Muar, terutamanya di kawasan tebing-tebing sungai Muar dimana mereka telah membuka ladang-ladang gambir dan lada hitam yang luas.²⁵ Tetapi di Padang, orang-orang Melayu dan Jawa masih merupakan gulungan penduduk yang besar, dan kebun-kebun kelapa dan pinang memenuhi kawasan tersebut. Sebahagian kecil penduduk-penduduk Melayu di Kesang pula menanam padi,²⁶ bercucuk tanam dan berkebun kelapa. Luasnya aktiviti pertanian mereka ini dapat dilihat dari daftar ekspot perdagangan Muar bagi tahun 1910 dan 1911. Semenara itu distribusi penduduk dari rumpun Melayu dapat dilihat dengan jelas dari Banci Penduduk yang rasmi tahun 1911.

²³

Salinan surat-surat Datuk Menteri Johor dan Setiausaha Kerajaan 1891-1899, surat-surat kepada Pesuruhjaya Muar bertarikh 3hb. Mei, 1896, dan 14hb. Mei, 1896.

²⁴

Peta Macmillan untuk Cina, Jepun dan St. Settlements, Penduduk-penduduk di Perak: 208,093, Selangor: 160,000, Negeri Sembilan: 85,000, Pahang: 70,000 dan Johor: 300,000 orang. Lihat *Malay Mail*, 2hb. Mei, 1901.

²⁵

Singapore and Straits Directory for 1904, ms. 242-243.

²⁶ *Ibid.*

Rajah A²⁷

Penduduk-penduduk Melayu Muar, 1911

| Kawasan | Penduduk semua | Melayu | Jawa | Bugis |
|---------|----------------|--------|--------|-------|
| Muar A. | 4,976 | 1,783 | 127 | 42 |
| Muar B. | 33,789 | 19,294 | 8,227 | 184 |
| Muar C. | 5,989 | 1,886 | 88 | 11 |
| Muar D. | 6,482 | 2,011 | 738 | 23 |
| Muar E. | 11,933 | 4,688 | 5,479 | 212 |
| Jumlah | 63,368 | 29,662 | 14,659 | 472 |

Muar A. Kawasan Bandar Maharani,

Muar B. Kawasan Sekeliling Bandar:

50 batu ke pendalaman Sungai Muar,

7 batu ke barat,

3 batu ke timur.

Muar C. Daerah Cocong, (Tangkak).

Muar D. Ulu Muar.

Muar E. Parit Jawa.

Perhatian: Kawasan Muar B adalah satu kawasan yang luas dan meliputi kawasan-kawasan Kesang, mukim-mukim dan kampung-kampung di sepanjang Sungai Muar dan sebahagian kawasan Padang.

²⁷ Dipadankan dari *Banci Negeri Johor*, 1911.

Rajah B²⁸

Daftar Tempat di peranakan Penduduk-penduduk Muar 1911.

| Tempat diperanakkan | Muar A | Muar B | Muar C | Muar D | Muar E |
|---------------------|--------|--------|--------|--------|--------|
| Johor | 1,339 | 17,379 | 1,561 | 1,949 | 6,357 |
| Singapura | 288 | 904 | 17 | 85 | 202 |
| P.Pinang | 8 | 422 | 3 | 16 | 1 |
| Melaka | 261 | 1,740 | 395 | 24 | 624 |
| Negeri Sembilan | - | 75 | 18 | - | - |
| Pahang | 3 | 145 | - | 50 | 1 |
| Perak | 13 | 448 | 3 | 2 | - |
| Selangor | 13 | 394 | 5 | 1 | 99 |
| Jumlah F.M.S. | 29 | 1,062 | 26 | 53 | 100 |
| Kedah | 8 | 44 | - | - | 3 |
| Kelantan | 13 | 302 | 1 | 2 | 39 |
| Petani | - | 11 | - | - | 2 |
| Trengganu | - | 348 | - | 4 | 7 |

Dari Rajah A kita dapat bahawa hingga 1911 orang-orang Melayu masih merupakan gulungan penduduk yang terbesar sekali di Muar. Tetapi hampir dua pertiga dari jumlah penduduk-penduduk Melayu ini terdapat mendiami kawasan Muar B. Sungguhpun begitu oleh kerana kawasan ini luas maka ini tidaklah membawa kepada densiti penduduk yang tinggi. Kawasan kedua yang mempunyai penduduk yang ramai ialah di Parit Jawa. Sukar untuk menilai *significance* pertambahannya yang berdasarkan lain dari kemasukan orang-orang luar. Apa yang nyata pada masa ini ialah suasana politik yang aman dan teratur telah membolehkan orang-orang Melayu meneruskan tradisi mata pencarian kehidupan mereka di bidang pertanian dan dari laut. Di samping itu pula jentera pentadbiran telah mengadakan kemudahan perhubungan dan penghidupan yang lain telah menjadikan kawasan ini bertambah makmur. Hasil dari perdagangan buah-buahan iaitu satu-satunya aktiviti ekonomi orang-orang Melayu

²⁸ *Ibid* (Jadual VI).

sangatlah besar. Dalam tahun 1911, tiga suku juta buah-buahan durian, 29,000 kotak duku dan 23,600 kotak manggis telah diekspor dari Muar.²⁹

Sekiranya imigrasi orang-orang luar itu dianggap sebagai satu ukuran kemajuan, satu perkara yang menarik dapat dilihat dari Rajah B. Berdasarkan dari tempat diperanakan, satu anggaran kasar dapat dibuat mengenai bilangan orang-orang yang telah masuk ke daerah Muar dari tempat-tempat lain di Semenanjung Tanah Melayu. Dari barci penduduk tahun 1911 itu terdapat lebih dari tujuh ribu orang telah masuk ke daerah tersebut, dimana lebih separuh daripada Negeri-negeri Selat dan seramai 1,270 orang daripada Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Hanya seramai 785 orang sahaja yang datang dari Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu. Memandangkan bilangan yang sangat sedikit orang-orang Cina yang dilahirkan di Negeri-negeri Selat di Muar, maka kebanyakan yang mendatang itu adalah terdiri dari orang-orang Melayu. Hampir separuh dari pada mereka yang mendatang dari Negeri-negeri Selat itu berasal dari Melaka. Kedudukan negeri ini yang bersempadan, dan perkembangan ekonomi yang meninggikan permintaan tenaga buruh di Muar adalah faktor penarik yang kuat. Ladang-ladang getah banyak dibuka di kawasan yang hampir dengan sempadan Melaka-Johor. Pada masa ini ada sebelas ladang yang dibuka dengan keluasan 47,898 ekar dan lapan dari ladang-ladang itu menggunakan buruh-buruh Melayu.³⁰ Di samping itu wujudnya sistem pengangkutan yang baik ke pedalaman Sungai Muar dan sistem perjalanan darat dari Muar ke Melaka adalah faktur pendorong pendatang-pendatang itu.

Dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Perak dan Selangor pula adalah negeri-negeri yang ramai penduduknya berhijrah ke Muar. Kumpulan penduduk yang sama banyaknya juga telah berpindah ke kawasan ini dari Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu. Pada masa yang sama, Trengganu dan Kelantan sedang menghadapi keadaan yang susah, penyakit penyakit berjangkit telah menyerang kedua-dua negeri itu dan makanan

²⁹ *General Adviser 72/1912*, ms. 14, dan *Johore Annual Report 1911*, ms. 13.

³⁰ "Schedule B, Principal Rubber Estates in Muar 1913," Lampiran dalam *General Adviser 78/1913*.

menjadi sukar didapati dan berharga mahal.³¹

Hingga ketahun 1911, bilangan penduduk Jawa juga telah bertambah ramai. Di bawah ini dapat dilihat distribusi penduduk Jawa di daerah Muar.

Rajah C ³²

Penduduk-penduduk Jawa di Muar 1911

| Kawasan | Jumlah Penduduk Jawa | Jumlah diperanakan di Indonesia |
|---------|----------------------|---------------------------------|
| Muar A. | 127 | 268 |
| Muar B. | 8,227 | 6,034 |
| Muar C. | 88 | 109 |
| Muar D. | 738 | 795 |
| Muar E. | 5,479 | 3,170 |
| Jumlah | 14,659 | 10,376 |

Dari Rajah C didapati penduduk-penduduk bangsa Jawa telah meningkat kepada 14,659 orang, dan dua pertiga daripadanya didafarkan sebagai telah dilahirkan di Indonesia.³³ Sungguhpun sebahagian besar terdapat di Muar B, di mana banyak ladang-ladang getah dibuka, tetapi bilangan buruh-buruh Jawa sangatlah terhad. Hanya tiga dari sebelas ladang-ladang itu saja yang menggunakan buruh-buruh Jawa. Bilangan semua buruh-buruh ladang tersebut (termasuk Cina, India dan Melayu) ialah seramai 2,316 orang.³⁴ Kebanyakan dari mereka adalah merupakan pekerja-pekerja bebas.³⁵ Sementara itu kumpulan kedua terbesar orang-orang Jawa terdapat dikawasan Parit Jawa. Di kawasan ini tidak ada ladang-ladang getah yang besar yang memerlukan tenaga buruh yang banyak,

³¹ K.E. Nathan, *1921 Census Population of Malaya*, London, 1922. 28. 1922. 28.

³² *Banci Negeri Johor*, 1911. (Jadual 6, 6B, dan 7.)

³³ Jumlah besar orang Jawa di Johor yang lahir di Indonesia ialah 28,821 orang.

³⁴ *General Adviser* 78/1913.

³⁵ Bandingkan dengan Tengku Shamsul Bahrin, "Indonesian Labour in Malaya", dalam *Kajian Ekonomi Malaysia*, Vol.11, no.1, 1965, ms. 61-65.

tetapi penduduk tempatan dari sukubangsa Jawa yang telah datang lebih awal dapat mengasimilasikan gulungan yang mendatang itu terutamanya dengan bertambahnya pembukaan kebun-kebun kelapa, pinang dan kopi. Pekebun-pekebun kecil juga telah mula menanam getah. Di samping itu pula segulungan besar dari mereka ini mempunyai tali persaudaraan dengan penduduk-penduduk Jawa tempatan, dan kemakmuran dan kewenangan mata pencarian menjadi faktur penarikan yang kuat.³⁶ Dalam tahun 1910, satu rang undang-undang tanah telah diluluskan,³⁷ di mana hak-hak dan peraturan memiliki tanah lebih terjamin dan teratur. Pada masa ini sangat banyak kebun-kebun kecil baharu yang dibuka. Dikawasan Muar B dan Muar E (Parit Jawa) iaitu tempat-tempat dimana ramai penduduk Melayu dan Jawa, bilangan pekebun-pekebun kecil yang berdaftar adalah seramai 5,172 orang.³⁸

Dalam dekad kedua abad ini, penduduk-penduduk dari rumpun Melayu di Muar telah terus bertambah ramai, teristimewa pula dengan bertambah pesatnya kemasukan orang-orang Jawa dan Bugis di samping segulungan kecil orang-orang Banjar. Bagi penduduk-penduduk Melayu bumiputra pula peratus pertambahannya ialah dua persen setahun,³⁹ dan ini lebih merupakan kadar pertambahan biasa terutama sekali dengan adanya sistem kesihatan awam yang sudah mula diperkembangkan. Dalam tahun 1914, daripada 5,366 bayi yang dilahirkan, 3,124 daripadanya adalah Melayu dan dibandingkan dengan jumlah 6,865 orang yang mati, hanya 2,486 orang Melayu.⁴⁰ Dalam tahun yang sama peratus kematian buruh-buruh Melayu adalah lebih rendah dibandingkan dengan bangsa lain. Dari tahun 1915 hingga 1919 kadar umum kelahiran telah meningkat

³⁶ Temuramah dengan penduduk tempatan. Masih merupakan pola biasa bagi kelumpuk-kelumpuk orang Jawa yang mendiami satu-satu tempat itu mempunyai tali persaudaraan antara satu sama lain. Lihat juga *Johore Annual Report* bagi 1912, 1913 dan 1914.

³⁷ W. Pryde, *The Laws of Johore*, Vol.I, 1910-1917, Johor Baharu, 1926. 1,5 da para 12.

³⁸ *Banci Johor*. (Jadual 8.)

³⁹ Perbandingan banci-banci tahun 1911 dan 1921.

⁴⁰ *Johor Annual Report*, 1914. ms. 6 dan 9.

tinggi iaitu daripada 13.15, 51.53, 49.50, 51.66 pada sebatu persegi, dan kadar kelahiran yang paling tinggi ialah di kalangan penduduk-penduduk Melayu iaitu 70.35 sebatu persegi.⁴¹ Di samping itu pula bilangan orang-orang Melayu yang berhijrah ke kawasan-kawasan Muar dari tempat lain adalah sedikit.

Period di antara tahun-tahun 1910-1913 adalah merupakan puncak kepada kemasukan buruh-buruh Jawa dan Banjar ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu.⁴² Selaras dengan ini juga orang-orang Bugis Jawa dan Banjar telah mencurah-curah masuk ke negeri Johor dan terutama sekali dengan pelancaran penanaman getah telah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang tinggi.⁴³ Berbeza dengan tempat-tempat lain bilangan buruh-buruh Jawa di Muar yang bekerja di ladang-ladang getah adalah kecil.⁴⁴ Kebanyakannya mereka adalah petani-petani dan membuka kebun kecil untuk tanaman getah. Banyak kawasan-kawasan kebun kecil yang ditanam dengan getah dimiliki oleh mereka.⁴⁵ Satu anggaran kasar mengenai arus kemasukan mereka dapat dilihat dari daftar keluar masuk Jabatan Pelabuhan Muar.

Dalam tahun 1911 saja terdapat seramai 11,237 orang Melayu (Jawa, Bugis dan lain-lain) yang telah masuk kedaerah ini, sementara ditahun 1912 pula terdapat seramai 9,748 orang.⁴⁶ Tahun-tahun peperangan pula tidak memberi kesan kepada arus imigresi mereka yang telah berterusan hingga ketahun 1918. Tetapi selepas itu bilangan mereka telah merosot akibat dari kekurangan dan kesukaran beras dan ditambah pula oleh kejatuhan harga dalam tahun 1920.⁴⁷

Dari rajah D, dibawah ini dapat diperhatikan pembahagian dalam

⁴¹ *Ibid.* ms. 16.

⁴² Tengku Shamsul Bahrin, "Indonesian Labour in Malaya," ms. 60.

⁴³ *General Adviser* 78/1913. ms.14.

⁴⁴ Hingga ketahun 1921 hanya satu persembilan dari penduduk Muar yang menjadi buruh di ladang-ladang. *Banci* 1921, ms.27.

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ *General Adviser* 72/1912, dan 78/1913.

⁴⁷ *Banci* 1912, ms. 20. Dan bandingkan dengan Thomson, *Postmortem on Malaya*, 125.

rumpun bangsa Melayu bagi daerah Muar dan seluruh Johor. Kita dapati bahawa penduduk-penduduk Melayu di daerah Muar telah bertambah dari tahun 1911 seramai 6,524 orang atau 20 peratus dan orang-orang Jawa pula seramai 7,430 orang atau lima puloh peratus. Kita dapati juga sungguhpun orang Bugis merupakan kumpulan yang ketiga besarnya di Johor dan disamping lebih dari lapan puloh lima peratus dari jumlah besar orang Bugis di Tanah Melayu,⁴⁸ tetapi di Muar ia merupakan kumpulan yang kecil saja. Keadaan ini hampir serupa dengan kumpulan orang-orang Banjar. Di Muar, penempatan orang-orang Bugis ialah disekitar Tangkak dan dipesiran diantara Parit Jawa dengan sempadan Batu Pahat. Kebanyakan mereka ini adalah petani-petani yang membukakebun-kebun kecil untuk tanaman getah dan berdusun, sementara yang mendiami tepi-tepi laut pula menjadi nelayan.

Rajah D⁴⁹

Penduduk-penduduk Melayu 1921.

| <i>Muar</i> | | | |
|---------------|---------------|---------------|---------------|
| Bangsa | Laki-laki | Perempuan | Jumlah |
| Melayu | 18,214 | 17,972 | 36,186 |
| Jawa | 12,972 | 9,117 | 22,089 |
| Banjar | 288 | 221 | 509 |
| Boyan | 65 | 56 | 121 |
| Bugis | 336 | 241 | 577 |
| Korinchi | 85 | 36 | 121 |
| Sakai | 72 | 58 | 130 |
| <i>Jumlah</i> | <i>32,032</i> | <i>27,701</i> | <i>59,733</i> |

⁴⁸ Jumlah Bugis di seluruh Semenanjung ialah 8,388 orang.

⁴⁹ *Banci 1921*, (Jadual 13), ms. 182-183.

| <i>Negeri Johor</i> | | | |
|---------------------|---------------|---------------|----------------|
| Melayu | 46,047 | 44,211 | 90,258 |
| Jawa | 30,157 | 19,988 | 50,145 |
| Banjar | 4,515 | 3,850 | 8,365 |
| Boyan | 525 | 323 | 848 |
| Bugis | 3,990 | 3,036 | 7,026 |
| Korinchi | 133 | 62 | 195 |
| Sakai | 531 | 475 | 1 006 |
| <i>Jumlah</i> | <i>85,907</i> | <i>71,945</i> | <i>157,852</i> |

Sebagai kesimpulan, kita dapatkan bahawa di antara 1884 hingga 1920 penduduk-penduduk Melayu di daerah Muar ini telah bertambah dari masa kemasa hingga menjadi komponen terbesar di dalam daerah yang paling ramai di Johor yang juga merupakan penduduk yang teramai di Semenanjong. Ciri komposisi penduduk-penduduk ini adalah akibat dari tradisi kemasukan orang-orang Melayu dari keturunan Jawa dan lain-lainnya kedaerah ini yang bertambah-tambah pesat dengan wujudnya kestabilan ekonomi dan sungguhpun TANPA adanya sistem importasi bersungguh-sungguh seperti untuk orang-orang Cina dan India. *Significance* ini bertambah penting apabila diingat bahawa keadaan kestabilan yang serupa juga wujud di negeri lain di bawah pentadbiran Inggeris bahkan terdapat juga kumpulan orang-orang Melayu yang ramai jumlahnya berhijrah kedae-rah ini. Hampir semua dari orang-orang yang mendatang ini tidak termasuk ke dalam gulungan buruh-buruh yang diimpot, dan sungguhpun jumlahnya sangat besar, kesedaran mengenai *significance* proses kedatangan mereka hampir tidak pernah dijadikan pokok kajian sejarah penduduk negara kita. Sifat kekekalan perpindahan orang-orang ini dapat dilihat dari kadar yang tinggi di antara orang-orang perempuan dan laki-laki yang berhijrah ketem-pat ini. Persamaan-persamaan yang terdapat dalam latarbelakang mereka dengan penduduk bumiputra, dan ketiadaan manifestasi yang nyata dari perbezaan-perbezaan sosial kumpulan-kumpulan ini telah mengaburi haki-kat bahawa masyarakat Melayu di Muar pada masa ini mempunyai sifat yang *heterogenous*.